

# Contohi orang Jepun gemar berbasikal

PUTRAJAYA 12 Dis. – Rakyat negara ini disaran agar mencontohi sikap masyarakat Jepun yang gemar mengayuh basikal untuk bergerak sebelum meneruskan perjalanan ke tempat kerja dengan menaiki kereta api.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, amalan tersebut merupakan sebahagian daripada kaedah terbaik majoriti masyarakat negara Matahari Terbit itu menjaga kesihatan mereka.

Justeru beliau mahu lebih banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terlibat dalam penganjuran program membabitkan aktiviti mengayuh basikal bagi menggalakkan rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup sihat.

“Kerajaan amat menggalakkan penglibatan NGO dalam bidang sukan ia dapat memberi kesedaran tentang kepentingan kepada masyarakat tentang kepentingan penjagaan kesihatan.

“Kementerian menyokong penuh usaha-usaha murni sebegini, barangkali selepas ini banyak lagi NGO yang akan tampil untuk melaksanakan program-program sebegini, mungkin boleh dinamakan sebagai Kayuhan Kesihatan Kuala Lumpur, Kayuhan Kesihatan Ipoh, Kayuhan Kesihatan Seremban dan sebagainya,” katanya pada program Kayuhan Kesihatan Putrajaya di sini hari ini.

Program kayuhan yang disertai 220 peserta julung-julung kali diadakan itu dianjurkan oleh Persatuan Alumni Malaysia Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (myJICA).